

Ke arah mencapai kesaksamaan gender: Analisis pemerksaan wanita melalui sektor ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud, Sabah

ABSTRAK

Pemerksaan wanita merupakan aspek penting dalam mencapai kesaksamaan gender. Kesaksamaan gender merujuk kepada keadaan, iaitu wanita dan lelaki menikmati peluang, akses, hak dan tanggungjawab yang sama dalam semua aspek kehidupan. Dalam konteks perbincangan artikel ini, ekopelancongan dianggap sebagai satu 'alat' yang mampu memperkasa wanita dari aspek ekonomi, sosial dan politik. Penglibatan aktif wanita dalam aktiviti ekopelancongan membolehkan mereka terlibat dalam proses membuat keputusan, meningkatkan akses, kawalan dan pemilikan terhadap sumber alam semula jadi. Antara isu utama yang dibincangkan dalam artikel ini ialah kepelbagaian peranan wanita yang terlibat aktif dalam ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud. Kepelbagaian peranan dan penglibatan wanita dalam sektor ini memberi petunjuk kepada tahap pemerksaan mereka yang terlibat. Indikator untuk menilai elemen pemerksaan wanita antaranya ialah akses kepada pemilikan dan kawalan sumber, penglibatan dalam proses membuat keputusan, peningkatan kemahiran, keyakinan diri dan pengembangan jaringan sosial. Penilaian tahap pemerksaan wanita juga diteliti dari aspek keupayaan mengurus sumber dan bagaimana mereka mampu menyaingi lelaki dalam mengendalikan aktiviti lasak dalam sektor ekopelancongan. Kaedah kualitatif yang digunakan untuk mendapatkan data termasuklah temu bual secara mendalam, focus group discussion (FGD), pemerhatian di samping menyertai aktiviti ekopelancongan yang menampilkan wanita sebagai pengendali aktiviti. Dapatan kajian menunjukkan terdapat elemen pemerksaan wanita dalam sektor ekopelancongan di Kadamaian. Seramai 44 orang responden wanita yang ditemu bual dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 22 peratus wanita yang memiliki dan mengurus homestay, 15 peratus wanita mengetuai projek ekopelancongan berdasarkan komuniti, dan 15 peratus wanita menjadi pengendali pendaki dan pengembaraan hutan. Namun, masih ramai wanita yang terlibat dalam kerja pembersihan dan keceriaan di camping site dan homestay, iaitu sebanyak 42 peratus dan selebihnya wanita menjadi pengendali penunggang kuda, pertukangan, landskap, pengendali aktiviti seperti rakit dan aktiviti perkhemahan. Dapatan kajian ini boleh dijadikan input kepada agensi berkaitan dalam merangka dasar dan strategi untuk memperkasa wanita di luar bandar.